

PIP3 tingkat daya saing



PELAN Induk Perindustrian Ketiga (PIP3) dijangka memacu proses perindustrian ke tahap daya saing global yang lebih tinggi melalui transformasi dan inovasi sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Untuk mencapai daya saing itu, langkah-langkah untuk meningkatkan kekuatan, ketahanan serta keupayaan diperlukan bagi mengatasi cabaran globalisasi dan liberalisasi yang meningkat.

Industri dan perkhidmatan yang disasarkan boleh meningkatkan daya saing melalui strategi dan dasar yang digariskan di dalam PIP3.

Untuk menjadi kompetitif di peringkat global pula, firma domestik perlu menjalankan aktiviti bernilai ditambah yang lebih tinggi, menceburi bidang "pertumbuhan baru dan aktiviti berpotensi tinggi serta meningkatkan integrasi dalam rangkaian pengeluaran, pengedaran, pemasaran serta bekalan di peringkat serantau. "

Selain itu, melalui pendekatan bersepadu yang ditekankan di dalam pelan induk berkenaan, kerajaan menjangkakan firma domestik dan penyedia per-

khidmatan mampu meningkatkan keupayaan dan kebolehan mereka.

Dalam masa yang sama, syarikat-syarikat tersebut akan disokong dan dibantu untuk menjadi syarikat multinasional milik Malaysia yang maju secara profesional, teknologi, mematuhi piawaian dan persijilan antarabangsa serta memiliki rangkaian dan jenama sendiri.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri